



UCAPAN PERASMIAN

IR. HJ. OMAR BIN MAT PIAH

**KETUA PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN 2.2 JUTA
MASA BEKERJA TANPA LTI DI STESEN MINYAK
PETRON.**

Tarikh : 23 April 2018 (Isnin)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Hotel Ritz Carlton, Jalan Imbi Pudu
Kuala Lumpur

Anjuran : Petron Malaysia Refining & Marketing
Petroleum dengan kerjasama Bahagian
Keselamatan Petroleum, JKPP.

(Mohon rujuk senarai protokol)

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku
Malaysia

1. Alhamdulillah syukur kehadiranNya, kerana pada petang ini kita sama-sama dapat berada di sini bagi menghadiri **Majlis Pengiktirafan Pencapaian 2.2 Juta Masa Bekerja Tanpa LTI di Stesen Minyak Petron** anjuran JKPP-PETRON. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Keselamatan Petroleum, JKPP dan PETRON Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan program pada petang ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran program ini. Saya berasa bangga kerana program ini telah dapat mengumpulkan peserta yang terdiri daripada majikan, pengusaha, pekerja di syarikat minyak PETRON. Syabas atas komitmen yang ditunjukkan ini, saya amat menghargainya dan tahniah diucapkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Saya merasa amat gembira dapat bersama dengan para peserta **Majlis Pengiktirafan Pencapaian 2.2 Juta Masa Bekerja Tanpa (*Loss Time Injury*) LTI di Stesen Minyak PETRON** yang julung-julung kali diadakan eksklusif untuk pengusaha-pengusaha stesen minyak PETRON. Majlis ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan usaha pengusaha stesen minyak PETRON yang cemerlang dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di premis masing-masing. **TAHNIAH SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN.**

4. Sebentar tadi saya dimaklumkan, mereka yang terpilih ini telah menjalani beberapa siri audit dalaman daripada pihak PETRON sendiri berdasarkan elemen-elemen yang terdapat dalam Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Mereka yang berjaya dan cemerlang daripada audit yang dijalankan ini akan diiktiraf oleh pihak PETRON. Justeru, saya berharap inisiatif yang ditunjukkan ini, dapat membantu memperkasakan tahap pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di stesen-stesen minyak PETRON. Ini sekaligus menjadi contoh dan *role*

model yang baik bagi pengusaha stesen minyak yang lain di Negara kita. SYABAS SAYA UCAPKAN.

5. Selain itu, melalui majlis ini juga dapat mempersiapkan tuan/puan dengan cabaran masa hadapan dalam meningkatkan pengetahuan dan mempraktikkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan khususnya di stesen minyak dengan memfokuskan kepada pengurangan kemalangan ke arah pencapaian matlamat kemalangan sifar. Diharapkan, dengan wujudnya kesedaran merekodkan masa bekerja tanpa LTI ini, ianya akan melambangkan komitmen yang berterusan dari pihak PETRON dalam memastikan Amalan KKP atau *OSH Practices* dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Kemalangan merupakan kejadian yang tidak kita ingini berlaku dan tidak dijangka, yang boleh mengakibatkan kecederaan, kematian atau kerosakan harta benda. Walaupun angka kemalangan di stesen minyak tidak tinggi namun usaha untuk membendung kemalangan terus berlaku hendaklah dilakukan sekarang agar stesen minyak menjadi tempat yang selamat untuk dikunjungi khususnya majikan, pekerja dan orang awam.

Untuk makluman tuan/puan, antara kes-kes kemalangan berlaku di stesen minyak adalah ;

- (i) April 2014 – (Gua Musang) - Gerai medan selera terbakar yang menyebabkan seorang kritikal, 2 parah, 8 cedera akibat disambar api.
- (ii) April 2016 – (Kuching) Percikan api yang menyambar petrol yang sedang diisi kedalam sebuah tong plastik
- (iii) Oktober 2016 – (Johor) Tangki tenaga gas asli (NGV) meletup dan terbakar di Mount Austin di Johor.
- (iv) March 2018 – (Perak) Insiden kebakaran yang melibatkan pengguna yang sedang mengisi minyak kedalam kereta di stesen minyak, Ipoh, Perak.
- (v) March 2018 – (Sarawak) Insiden kebakaran yang melibatkan pengguna yang sedang mengisi minyak kedalam bekas minyak di stesen minyak, Lawas, Sarawak.

7. Justeru, saya amat berharap semua pihak yang terlibat sentiasa memberi perhatian sewajarnya kepada keselamatan

dan kesihatan pekerjaan bagi mengelakkan kejadian kemalangan di tempat kerja masing - masing. Semua hazard dan risiko hendaklah diuruskan dengan sebaik mungkin, semua prosedur dan langkah - langkah kawalan perlu diikuti dan dipatuhi sepanjang masa, program latihan dan pembangunan kompetensi seharusnya dilaksanakan secara berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Penglibatan JKPP dalam isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di stesen minyak bermula pada tahun 2015. Bahagian Keselamatan Petroleum JKPP telah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, atau *Petroleum Safety Measure Act (PSMA)* setelah peralihan kuasa menteri bagi mengawal aspek keselamatan petroleum dari aspek penstoran, pengendalian, pengangkutan dan perkakasan peralatan.

9. Rekod JKPP menunjukkan **sehingga tahun 2017** terdapat **3,381 buah stesen minyak** di seluruh negara, dan dari jumlah tersebut **567 buah adalah Stesen PETRON**. Angka tersebut dijangka akan terus meningkat dengan terdapatnya keperluan

bekalan dan permintaan. Dalam usaha menambah bilangan stesen ini, diharapkan agar isu keselamatan dan kesihatan di stesen ini tidak diabaikan dan terus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak PETRON.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

10. Kita faham dan sedar bahawa setiap syarikat minyak mempunyai standard yang diadaptasikan daripada syarikat induk masing-masing bagi mengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Namun begitu adalah lebih baik jika ada satu standard yang perlu dipatuhi oleh setiap industri stesen minyak ini. Sehubungan dengan itu, JKKP sedang membangunkan Koda Tataamalan ataupun ***Code of Practice*** bagi stesen minyak yang akan menjadi peraturan di bawah PSMA.

11. Bagi menjayakan pembangunan ***Code of Practice*** ini, JKKP telah dan sedang giat menjalankan audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan di stesen minyak di seluruh negara. Hasil audit ini akan dianalisa dan dikumpul agar selari dan bersesuaian dengan ***Code of Practice*** yang akan dibangunkan ini. Sangatlah penting pemilik atau pemunya stesen minyak memberikan kerjasama yang sewajarnya

kepada pegawai JKKP untuk menjalankan audit di tempat tuan-tuan/puan-puan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Segulung tahniah sekali lagi kepada PETRON yang berjaya merancang **Majlis Pengiktirafan Pencapaian 2.2 Juta Masa Bekerja Tanpa LTI di Stesen Minyak Petron** ini. Saya amat berharap majlis hari ini dapat memberi suntikan semangat bagi pengusaha stesen minyak yang lain dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkenaan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk diamalkan dalam proses kerja masing-masing khususnya di stesen minyak.

13. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pihak pengurusan PETRON kerana sudi menjayakan majlis pada kali ini dengan JKKP dan saya amat berharap kerjasama dan usaha sebegini dapat diteruskan di masa akan datang.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pengiktirafan Pencapaian 2.2 Juta Masa Bekerja Tanpa LTI di Stesen Minyak Petron bagi Tahun 2018**. Sekian terima kasih.